

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah baru yang dibina dan sekolah daif di Sabah yang ditambah baik di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) yang telah siap dan dibaiki sepenuhnya berbanding jumlah asal yang dirancang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik, untuk semua sekolah di seluruh negara. Ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat dan selesa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khusus untuk negeri Sabah, sebanyak 13 buah projek pembinaan sekolah baharu dan 237 projek menaik taraf dan pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe11).

Bagi projek pembinaan sekolah baharu, sehingga 6 November 2020, sebanyak tiga (3) buah sekolah berada di fasa pembinaan dan sepuluh (10) buah sekolah lagi berada di fasa pra bina.

Manakala, bagi projek menaik taraf dan pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif, sebanyak 150 buah sekolah telah siap, 22 buah sekolah masih dalam pembinaan dan baki sebanyak 65 buah sekolah masih dalam fasa pra bina.

Sekian, terima kasih.